

# Lubuk pendatang di Pulau Indah

## 'Pondok Siputung' dihuni 100 keluarga Indonesia, Bangladesh sejak 10 tahun

>>Oleh Abdullah Wahab  
abwahab@hmetro.com.my


**P**ELABUHAN KLANG: Satu perkampungan haram di Pulau Indah di sini, dihuni lebih 100 keluarga dari Indonesia dan Bangladesh dipercayai wujud sejak 10 tahun lalu dan ia dikatakan hanya diketahui segelintir kaki pancing yang melalui perkampungan terbabit menerusi laluan kereta api untuk ke muara sungai berhampiran.

Penempatan itu juga terlindung kerana dikelilingi semak samun dan rimbunan pokok besar, manakala deretan rumah yang diperbuat daripada kepingan papan didirikan sepanjang laluan kereta api.


Difahamkan bagi kaki pancing, penempatan itu dipanggil 'Pondok Siputung' sempena nama seorang lelaki yang membuka penempatan haram itu lebih lima tahun lalu.

Walaupun tanpa sebarang kemudahan asas, ia tidak mendatangkan masalah bagi pendatang asing terbabit yang kebanyakannya bekerja di beberapa kilang berhampiran dan pengutip sampah.

Seorang kaki pancing, Mohd Azizi Yazid, 29, berkata walaupun tiada aktiviti jenayah dilaporkan berlaku di situ, namun kewujudan kampung terbabit tetap diragui kerana ia berada di



**DAIF... penempatan haram yang didirikan berhampiran laluan kereta api di Pulau Indah, Pelabuhan Klang.**



dalam hutan.

"Dulu tempat itu dibina pondok untuk berteduh, tapi sekarang, tengoklah sendiri, berapa banyak rumah yang ada.

"Jadi saya harap pihak yang berwajib mengambil tindakan supaya kawasan ini bebas daripada pendatang." katanya di sini, semalam.

Kamarulzamdi Kassim, 33, berkata penempatan itu sudah lama wujud dan kaki pancing tahu mengenainya, namun mereka buat tidak

endah kerana tidak mahu mengambil peduli mengenai hal itu.

"Lihat saja ada yang bercucuk tanam di sini, ia menggambarkan perkampungan ini sudah lama wujud, malah sudah beranak-pinak.

"Kebanyakan mereka juga bekerja sebagai buruh, kilang dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di penempatan terbabit mendapati pendatang asing turut mendirikan beberapa tangga melintasi la-

luan kereta api sebelum tiba ke jalan besar.

Malah ketika tinjauan, wartawan Harian Metro turut bertembung dengan seorang warga Indonesia bernama Roman yang mendakwa mendiami rumah itu sejak empat tahun lalu.

"Sini tak ada masalah, semua aman. Penghuni di sini juga tidak melakukan kesalah-lahan dan kami tinggal di sini hanya sementara," katanya yang mendakwa bekerja di tapak pelupusan sampah.